

NOTIS MENURUT AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI, 2010

Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 ("Akta") adalah satu akta yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi. Notis ini dikeluarkan menurut peruntukan-peruntukan Akta dan bertujuan untuk memaklumkan anda tentang bagaimana data peribadi anda diproses dan hak-hak anda di bawah Akta. Selanjutnya, kami dengan ini meminta kebenaran anda untuk memproses data peribadi anda.

Notis data peribadi ini terpakai kepada mana-mana orang yang data peribadinya diproses oleh atau bagi pihak ECM Libra Foundation (selepas ini dirujuk sebagai "ECMLF" atau "kami").

1. Tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan, termasuk garis panduan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan kod-kod yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, ECMLF boleh menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut ("Tujuan-Tujuan"):
 - a. Bagi memproses permohonan untuk pinjaman pelajaran oleh pemohon yang berkaitan;
 - b. Bagi membolehkan kami untuk menunaikan kewajipan kontraktual kami;
 - c. Bagi menilai dan memantau pinjaman pelajaran yang diberikan kepada pemohon yang berkaitan;
 - d. Bagi membolehkan penyelesaian isu-isu yang perlu diberi perhatian atau aduan-aduan;
 - e. Untuk tujuan penilaian dan usaha wajar (due diligence);
 - f. Untuk berhubung dengan anda;
 - g. Bagi membolehkan kami melaksanakan tugas dan tanggungjawab kami di bawah undang-undang bertulis, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, garis panduan dan / atau kod-kod yang berkenaan atau apa-apa persefahaman dengan mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkenaan yang diberi kuasa oleh undang-undang tempatan atau asing yang berkaitan; dan
 - h. Bagi sebarang tujuan yang berkaitan atau bersampingan dengan atau berlanjutan daripada Tujuan-Tujuan di atas.
2. Data peribadi yang diproses oleh kami mungkin termasuk data yang dikumpul daripada pemohon yang berkaitan pada borang permohonan seperti nama, maklumat perhubungan, alamat e-mel, pekerjaan, aset dan pendapatan dan apa-apa data peribadi lain yang dikehendaki bagi Tujuan-Tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas.
3. Maklumat peribadi anda mungkin dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk maklumat yang telah pemohon yang berkaitan berikan kepada kami, maklumat daripada pihak ketiga dan maklumat dalam domain awam.
4. Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini membuat pertanyaan, aduan dan permintaan untuk akses kepada, atau pembetulan, data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda dengan mengemukakan permohonan kepada kami melalui pos atau e-mel yang dinyatakan di bawah.

Alamat:

ECM Libra Foundation
Mezzanine Floor, Bangunan ECM Libra, 8 Jalan Damansara Endah,
Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur
No. Telefon: 03-2089 1883

Kami mungkin mengenakan fi pentadbiran bagi menyediakan akses atas permintaan anda.

5. Kami ingin memaklumkan bahawa anda perlu membekalkan kepada kami data peribadi anda seperti yang diminta dari semasa ke semasa dan memberikan persetujuan untuk pemprosesan berterusan (termasuk mengumpul, menyimpan, memegang dan penyimpanan berterusan) data peribadi anda (termasuk data peribadi yang telah diberikan sebelum tarikh Notis ini) dan jika anda memilih untuk tidak membekalkan kami dengan data peribadi anda atau jika anda tidak lagi bersetuju dengan kami memproses, menyimpan, memegang atau berterusan menyimpan data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat melaksanakan Tujuan-Tujuan yang berkenaan atau melaksanakan Tujuan-Tujuan yang berkenaan dengan sempurna atau menunaikan kewajipan kami kepada anda.

**Nota: Notis ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dengan menandatangani salah satu versi, ia akan dianggap bahawa anda telah membaca kedua-dua versi.*

6. Maklumat peribadi anda akan dirahsiakan tetapi tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan, data peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada pihak yang berikut untuk Tujuan-Tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas:
- a. syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dan/atau bersekutu kami;
 - b. mana-mana orang yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan kod;
 - c. pemegang-pemegang lesen, rakan-rakan kongsi. pihak usahasama dan pemberi khidmat kami;
 - d. Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, Polis Malaysia, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan pihak berkuasa penyeliaan, kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan;
 - e. Mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkaitan;
 - f. Juruaudit, peguam, firma-firma atau entiti-entiti professional dan mana-mana pihak lain yang dianggap perlu oleh ECMLF bagi tujuan aktiviti

walaupun mana-mana pihak tersebut berada di luar Malaysia, bagi mana-mana Tujuan di atas atau mana-mana tujuan lain yang memerlukan pendedahan data peribadi anda atau apa-apa tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana Tujuan- Tujuan di atas atau di mana apa-apa pendedahan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang atau perintah mahkamah.

7. Data peribadi anda mungkin akan disimpan atau dipindahkan ke lokasi-lokasi atau sistem-sistem di luar Malaysia.

Kami komited dalam memastikan data anda dirahsiakan, perlindungan, keselamatan dan ketepatan maklumat peribadi anda yang disediakan kepada kami. Dalam hal ini, adalah penting bahawa semua maklumat peribadi yang diserahkan oleh anda adalah tepat, tidak mengelirukan, dikemaskini dan lengkap dalam semua aspek.

Sila tandatangani di bahagian bawah surat ini dan kembalikan kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Notis ini, sebagai tanda persetujuan bagi pemprosesan data peribadi anda mengikut semua perkara di atas.

Terima kasih.

Bertarikh pada

haribulan

2014

Yang benar,
untuk dan bagi pihak ECM Libra Foundation

.....
Nama:

Jawatan:

PERSETUJUAN

Saya, (No. KP:) dengan ini bersetuju dengan pemprosesan data peribadi saya mengikut semua perkara di atas.

.....
Nama:

No:

**Nota: Notis ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dengan menandatangani salah satu versi, ia akan dianggap bahawa anda telah membaca kedua-dua versi.*